

12 JUN 1999

BSKL-MINGGUAN

BSKL MUNGKIN MENGUJI LAGI PARAS 800 MATA

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Petunjuk-petunjuk ekonomi yang positif di samping kecergasan serantau boleh memandu Bursa Saham Kuala Lumpur untuk menguji paras psikologi 800 mata minggu depan, kata para peniaga.

Seorang peniaga, sambil menyatakan keyakinannya bahawa indeks komposit boleh melepasi paras itu, bagaimanapun berkata bahawa ia adalah sebentar sahaja memandangkan pengambilan untung dijangka muncul dengan cepat.

"Saya melihat bahawa CI akan menurun sebanyak 20 hingga 30 mata kerana pengambilan untung," katanya.

CI hampir melepasi paras 800 mata pada 18 Mei kepada 780.29 mata mencecah paras tertinggi sejak 19 bulan kerana sokongan belian yang teguh.

Kali ini, peniaga itu berkata BSKL mempunyai peluang yang lebih besar dibantu oleh asas-asas yang lebih kukuh dan bursa serantau yang lebih baik disebabkan pilihanraya yang aman dan demokratik di Indonesia sejak awal minggu ini.

Ulasan firma penyelidikan antarabangsa SG Research Isnin lalu bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dijangka berkembang sebanyak dua hingga tiga peratus dalam suku kedua tahun ini meningkatkan sentiman.

SG Research berakta inflation yang rendah dan kadar faedah yang rendah, angka-angka import dan eksport yang meningkat, indeks-indeks pengeluaran pembuatan yang lebih tinggi dan juga pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi seharusnya membolehkan KDNK berkembang sebanyak itu.

Penerbitan perangkaan Indeks Pengeluaran Perindustrian yang positif bagi April Selasa lalu juga menarik pembelian.

Pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan meneruskan projek hidro-elektrik Bakun tetapi pada kadar lebih kecil dengan Tenaga Nasional menerajui projek itu disambut baik oleh pasaran.

Ia meningkatkan harga saham TNB dan juga bekas pemaju, Ekran Bhd dan syarikat-syarikat berkaitan.

Di tengah-tengah keadaan yang positif sedemikian, syarikat berasaskan pembinaan, Ahmad Zaki Resources Bhd (AZRB) membuat kemunculan pertamanya di Papan Kedua pada RM3.00, mencatatkan premium 35 sen mengatgasi harga terbitannya RM2.65. Ia mengakhiri minggu ini pada RM3.00.

Peningkatan harga MAA Holdings Bhd turut menonjol apabila ia ditutup hampir RM2 lebih tinggi kepada RM6.90.

Pada asas minggu-ke-minggu, CI melambung 32.96 mata kepada 772.96 hari Jumaat, dari 739.80, manakala Indeks Emas naik 10.57 mata kepada 192.11.

Indeks Perusahaan naik 47.6 mata kepada 1,321.1 manakala Indeks Papan Kedua bertambah 6.85 mata menjadi 159.98.

Jumlah dagangan di pasaran biasa dan urusniaga langsung meningkat kepada 2.877 bilion saham bernilai RM5.867 bilion, berbanding jumlah dagangan sebanyak 1.383 bilion saham bernilai RM2.71 bilion minggu sebelumnya.

Di papan utama, jumlah dagangan yang diurus niagakan di pasaran biasa berjumlah 2.351 bilion saham bernilai RM4.42 bilion, dari 1.231 bilion saham bernilai RM2.324 bilion.

Jumlah dagangan Papan kedua bagaimanapun, menurun kepada 94.905 juta saham bernilai RM236.75 juta dari 115.23 juta saham bernilai RMRM267.737 juta.

Dagangan langsung meningkat dengan mendadak kepada 430.394 juta saham

bernilai RM1.21 bilion berbanding 35.826 juta saham bernilai RM111.89 juta minggu sebelumnya.

Mengatasi senarai kanuter cergas bagi minggu ini di pasaran biasa ialah Renong, yang ditutup naik 32 sen kepada RM1.75 dengan 100.828 juta saham diniagakan.

Saham-saham cergas lain termasuk Malaysian Plantations yang naik 77 sen kepada RM2.31 (87.359 juta), KCB naik 41 sen kepada RM1.22 (74.164 juta), UEM kukuh 95 sen kepada RM5.05 (63.71 juta), Time naik 21 sen kepada RM1.19 (50.204 juta), MRCB bertambah 30 sen kepada RM1.98 (48.360 juta), Intria naik 14 sen kepada 73 sen (41.546 juta), Magnum meningkat 21 sen kepada RM2.77, Insas Warrants naik empat sen kepada 38 sen (37.362 juta) dan MPHB ICULS 1997/2002 melambung 16 sen kepada 54 sen (36.571 juta).

Berasaskan sektor, barangan pengguna menyumbang 75.626 juta saham diniagakan di Papan Utama, barangan industri 522.124 juta, pembinaan 271.537 juta, dagangan/perkhidmatan 713.475 juta, infrastruktur 10.179 juta, kewangan 316.261 juta, hotel 12.408 juta, harta 313.697 juta perladangan 29.497 juta, perlombongan 5.509 juta, amanah 440,000, dana tertutup 2.263 juta, pinjaman 142.349 juta, TSR/Warrant 389.506 juta.

Sementara itu, di Bursa Urusniaga Sekuriti dan Sebutharga Automasi Malaysia (Mesdaq), Indeks Komposit Mesdaq (MCI) kekal tidak berubah pada minggu ke minggu pada 103.12 hari Jumaat.

Saham komponen tunggalnya, Supercomal Technologies Bhd tidak berubah pada RM3.30, dengan jumlah dagangan sebanyak 600 saham bernilai RM1,980 hari Jumaat. -- BERNAMA

RIZ MR OS